



**JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**PEKELILING PENGURUSAN PERPADUAN NEGARA  
BILANGAN 2 TAHUN 2011**

---

**TATACARA PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN  
PENGURUSAN ISU PERPADUAN NEGARA**

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

**8 Februari 2011**

**Dikelilingkan Kepada :**

**Semua Pengarah Perpaduan Negeri  
Semua Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian**

## **1. TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap pengoperasian bilik gerakan pengurusan isu perpaduan negara di peringkat ibu pejabat/negeri/daerah/bahagian JPNIN semasa Aras Petunjuk Risiko di tahap berisiko tinggi (kuning) atau bahaya (merah).

## **2. LATAR BELAKANG**

Apabila tercetus insiden/ isu di tahap berisiko tinggi (kuning) atau bahaya (merah) pada Aras Petunjuk Risiko atau sesuatu peristiwa seperti Pilihan raya umum/kecil/demonstrasi besar-besaran yang boleh menimbulkan ketegangan di tahap berisiko tinggi perlu diwujudkan suatu mekanisme bagi mengumpul maklumat dan membuat perancangan strategik serta mengeluarkan Arahan Tindakan kepada pegawai-pegawai Perpaduan. Mekanisme yang sesuai untuk tujuan ini adalah Bilik Gerakan, atas kesedaran kepentingan Bilik Gerakan untuk mengawal atau membendung sesuatu isu perpaduan daripada merebak atau bertambah bahaya, Tatacara Pengoperasian Bilik Gerakan Pengurusan Isu Perpaduan Negara diadakan.

### 3. TAKRIFAN

#### 3.1. ARAS PETUNJUK RISIKO

Petunjuk Risiko	Keganasan / Rusuhan / Demonstrasi / Protes	Pergaduhan / Serangan	Isu
a) Hijau	<ul style="list-style-type: none"><li>Tiada kematian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku kecederaan/ kematian dan insiden bersifat one-off</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Gangguan/Ketegangan terkawal</li></ul>
b) Kuning	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku kecederaan/ kematian dan berulang &gt; 3 insiden dalam 30 hari</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku kecederaan/ kematian dan berulang &gt; 3 insiden dalam 30 hari</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Gangguan &amp; ketegangan, tanda-tanda di luar kawalan dan akan merebak</li></ul>
c) Merah	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku kecederaan/ kematian, berulang &gt; 3 insiden dalam 30 hari dan merebak</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Berlaku kecederaan/ kematian, berulang &gt; 3 insiden dalam 30 hari dan merebak</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Gangguan &amp; ketegangan, di luar kawalan dan merebak</li></ul>

### 3.2. TAHAP PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN

TAHAP	OPERASI SEPARA	OPERASI PENUH
1	Buka Bilik Gerakan di Daerah/ Bahagian	-
2	Buka Bilik Gerakan di Daerah/ Bahagian & Negeri	-
3	-	Buka Bilik Gerakan di Daerah/ Bahagian, Negeri & Ibu Pejabat

### 3.3. KRITERIA KATEGORI BILIK GERAKAN

KRITERIA	OPERASI SEPARA	OPERASI PENUH
<b>a) Aras Petunjuk Risiko</b> i) Kuning ii) Merah	√	√
<b>b) Pilihan Raya</b> i) Umum ii) Kecil	√	√
<b>c) Demonstrasi Besar-besaran</b> i) Berisiko Tinggi ii) Bahaya	√	√

### **3.4. SINGKATAN**

- a) JPNIN - Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
- b) BPP - Bahagian Pengurusan Perpaduan
- c) KP - Ketua Pengarah
- d) TKP - Timbalan Ketua Pengarah
- e) TKP(P) - Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)
- f) P(PP) - Pengarah (Bahagian Pengurusan Perpaduan)
- g) PPN - Pengarah Perpaduan Negeri
- h) PPD/B - Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian
- i) PPD/B/N - Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian/Negeri

## **4. PENGOPERASIAN BILIK GERAKAN**

**4.1.** Pengoperasian Bilik Gerakan dikategorikan kepada dua tahap iaitu operasi separa dan operasi penuh (Sila Rujuk Takrifan). Bagi Operasi Penuh, P(PP), PPN dan PPD/B hendaklah membuka Bilik Gerakan sebaik sahaja menerima arahan daripada KP JPNIN atau TKP JPNIN. Untuk Operasi Separu, PPD/B/PPN hendaklah membuka Bilik Gerakan sebaik sahaja menerima arahan daripada PPN.

### **4.2 Operasi Separu**

**4.2.1** Bilik Gerakan hendaklah dibuka mengikut Kriteria Kategori Bilik Gerakan (Sila Rujuk Takrifan).

#### **4.2.2 Bilik Gerakan Operasi Separa Daerah/ Bahagian**

PPD/B bertindak sebagai Ketua Bilik Gerakan dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- a) Memantau dan mengumpul maklumat keadaan semasa di peringkat daerah/bahagian dengan:
  - (i) merujuk kepada Pegawai Daerah/ Residen mengenai keadaan semasa dan tindakan yang diperlukan
  - (ii) merujuk kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap keselamatan Daerah/Bahagian berkenaan;
  - (iii) mendapatkan pandangan dan maklumat daripada orang ramai terutama Ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga di kawasan tersebut.
  
- b) Melapor kepada KP JPNIN, TKP, P(PP) & PPN secara berkala mengenai keadaan semasa dan cadangan tindakan.
  
- c) Mengambil tindakan-tindakan yang sesuai seperti berikut setelah mendapat kelulusan KP JPNIN, TKP atau PPN: -
  - (i) Program Gerak Padu,
  - (ii) Majlis Perjumpaan
  - (iii) Dialog
  - (iv) Mediator Komuniti,
  - (v) Menggerakkan RT/SRS

- d) Bagi Pilihan Raya Kecil, laporan insiden/ isu harian hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Perpaduan Negeri dan P(PP) sekali sehari sebelum jam 5.00 petang hari berkenaan.

### **4.2.3 Bilik Gerakan Operasi Separa Negeri**

4.2.3.1 PPD hendaklah melaksanakan perkara-perkara di para 4.2.2.

4.2.3.2 Pengarah Perpaduan Negeri bertindak sebagai Ketua Bilik Gerakan dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- a) merujuk kepada Majlis Keselamatan Negeri jika perlu untuk maklumat
- b) menimbang dan meluluskan cadangan tindakan oleh PPD/B
- c) mengeluarkan Arahan Tindakan kepada PPD/B
- d) menyelaras tindakan di peringkat daerah/bahagian dan negeri;
- e) mengemukakan laporan dan cadangan tindakan kepada KP JPNIN.
- f) Bagi Pilihan Raya Umum hendaklah dikemukakan kepada P(PP) dua kali sehari iaitu sebelum jam 12.00 tengah hari dan 5.00 petang hari berkenaan.

#### **4.2.4 Bilik Gerakan Operasi Penuh**

4.2.4.1 PPD/B hendaklah melaksanakan perkara di para 4.2.2 dan PPN melaksanakan perkara-perkara di para 4.2.3.

4.2.4.2 Pengarah Pengurusan Perpaduan bertindak sebagai Ketua Bilik Gerakan dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:-

- a) Merujuk kepada Majlis Keselamatan Negara, jika perlu untuk maklumat
- b) Meneliti laporan dan mengesyorkan cadangan kepada KP JPNIN atau TKP untuk kelulusan
- c) Mengemukakan Arahan Tindakan kepada PPN/PPD/PPB
- d) Memantau pelaksanaan Arahan Tindakan oleh PPN/PPD/PPB
- e) Bagi Pilihan Raya Umum, laporan insiden/isu harian hendaklah disediakan dan disampaikan kepada KP JPNIN.

#### **5. PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.



## 6. PEMBATALAN

Pekeliling ini menggantikan mana-mana mekanisme pemantauan yang terpakai sebelum ini.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( DATO' AZMAN AMIN HASSAN )**

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Pekeliling Pengurusan Perpaduan Negara Bil.2 Tahun 2011